

PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI

I. LATARBELAKANG PROJEK

1. Arah strategik pembangunan industri padi adalah untuk memastikan pengeluaran

beras yang stabil, di samping membantu sebahagian besar penduduk luar bandar yang bergantung hidup di atas tanaman padi. Justeru itu, teras pembangunan industri padi bagi tempoh RMK-9 memberi fokus kepada peningkatan produktiviti ladang dan peningkatan pendapatan pesawah melalui peningkatan tahap kesempurnaan infrastruktur ladang serta struktur petak sawah, pengurusan operasi ladang berteraskan bisnes dan pengamalan teknologi persis.

2. Bermula tahun 2008, akibat kekurangan dan kenaikan harga beras dunia, pihak

kerajaan telah meluluskan Program Meningkatkan Pengeluaran Beras dibawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan melibatkan aktiviti-aktiviti Penyelenggaraan Infrastruktur Pengairan Dan Saliran, Perataan Tanah Sawah, Pembekalan Input Pertanian Bagi Meningkatkan Kesuburan Tanah, Pembekalan Input Pertanian Bagi Kawalan Makhluh Perosak, Pemilikan Jentera Dan Mekanisasi Ladang, Khidmat Sokongan Penyelidikan dan Promosi Teknologi, Pemberian Subsidi Dan Pembayaran Insentif, Pembangunan Infrastruktur Saliran Dan Pengairan. Peruntukan sebanyak RM3,568.6 juta telah disediakan bagi program ini bagi pelaksanaan sehingga tahun 2010

3. Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) telah menetapkan pengeluaran beras

negara pada tahap saradiri sekurang-kurangnya 65%. Sepanjang tempoh RMK-8, industri padi telah mencapai pengeluaran. Pada tahun 2010, jumlah pengeluaran padi disasarkan sebanyak juta 2.95 tan (1.92 juta beras) dengan catatan tahap sara diri sebanyak 86% (Pelan Peningkatan Beras Negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2008) keperluan beras negara, di samping dapat memenuhi dasar negara dalam mengimbangi defisit perdagangan antarabangsa dalam pengimpotan bahan makanan disamping ianya merupakan pemangkin bagi memastikan para petani memperolehi pulangan pelaburan yang lumayan dari operasi penanaman padi. Pembangunan industri padi di Semenanjung melibatkan kawasan dalam jelapang dan luar jelapang dengan keluasan bertanam masing-masing sebanyak 386,592 ha dan 219,351 ha (Laporan Perangkaan Padi Malaysia, 2007).

4. Dalam tempoh RMK-8 dan RMK-9, dijangka pertumbuhan yang positif dari segi

pengeluaran padi dari tahun 2000 hingga 2010 iaitu pertumbuhan sebanyak 3.5% yang telah memberikan impak kepada pembangunan industri padi dan dapat memberikan satu *platform* yang kukuh untuk terus maju ke hadapan. Dengan memetik beberapa pengalaman dalam tempoh pelaksanaan projek RMK-8, ia memberikan satu keperluan dalam penggubalan strategi yang lebih persis yang berteraskan maklumat dan data *real-time*. Analisis dan pengolahan data yang efektif dalam perancangan dan pelaksanaan projek adalah kunci untuk terus maju ke hadapan dalam pelaksanaan projek pembangunan industri padi dalam tempoh RMK-9.

II. PENJELASAN MENGENAI PROJEK

5. Objektif projek pembangunan industri padi adalah:

- Menjana perkembangan jumlah pengeluaran padi pada kadar 5% setahun dengan sasaran purata hasil pengeluaran padi 4.56 tan/ha iaitu 5.10 tan/ha bagi kawasan jelapang dan 3.35 tan/ha bagi kawasan luar jelapang menjelang tahun 2010.
- Menjana perkembangan sasaran pengeluaran beras bagi mencapai tahap sara diri (SSL) 86 % menjelang tahun 2010.
- Menilai dan membangunkan teknologi tanaman padi untuk diperkenalkan kepada pesawah sebagai pakej untuk meningkatkan produktiviti ladang secara berterusan melalui teknologi persis.